# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 OGOS 2024

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 18

## Ada peluang tapi tak guna!

DASAR GAJI PROGRESIF

# Ada peluang tapi tak guna!

Oleh Essa Abu Yamin
am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Gaji permulaan untuk ahli nujum ialah RM2,205 dan ia perlu dipatuhi.

Mengapa? Kerana kerajaan sudah menetapkan gaji permulaan yang perlu dipatuhi pihak swasta di bawah Dasar Gaji Progresif.

Menteri Ekonomi Rafizi Ramli berkata, kita sering merungut berkaitan gaji, tetapi apabila ada peluang kenaikan gaji, kita tidak menggunakannya.

"Mana-mana majikan yang menaikkan gaji untuk mematuhi tangga gaji berkenaan layak mendapat insentif gaji progresif yang perlu dibayar kepada pekerja supaya kenaikan gaji itu ditanggung oleh kerajaan.

"Gaji permulaan mengikut kelayakan di bawah Dasar Gaji Progresif antaranya seperti berikut, jurutera mekanikal (RM3,380), jurutera awam (RM3,115), akauntan dan juruaudit( RM3,280)," katanya di Platform X, kelmarin.

Rafizi berkata, gaji permulaan untuk ahli nujum adalah RM2,205 dan juruteknik kejuruteraan awam pula RM2,470.

> **"Majikan yang menaikkan gaji untuk mematuhi tangga gaji itu layak dapat insentif gaji progresif yang perlu dibayar kepada pekerja supaya kenaikan gaji itu ditanggung kerajaan"**
>
> *Menteri Ekonomi Rafizi Ramli*

### JADUAL MATRIKS GAJI DGP UNTUK PEKERJA PERINGKAT PERMULAAN

| Antara Senarai Pekerjaan MASCO | Gaji Pokok Permulaan untuk Pekerja Peringkat Permulaan (RM) |
|---|---|
| Atendan perjalanan dan pelayan perjalanan | 2,785 |
| Atlet dan ahli sukan | 2,155 |
| Broker gadaian dan peminjam wang | 1,810 |
| Broker perdagangan | 2,320 |
| Doktor pergigian | 3,140 |
| Ejen dan kontraktor pekerjaan | 2,135 |
| Ejen hartanah dan harta | 2,650 |
| Ejen pelepasan dan pengangkutan | 2,950 |
| Ejen persidangan dan acara | 2,165 |
| Ejen perkhidmatan perniagaan yang tidak dikelaskan di mana-mana | 2,440 |
| Guru agama | 2,215 |
| Guru bahasa | 3,200 |
| Guru muzik | 2,630 |
| Guru pendidikan awal kanak-kanak | 2,295 |
| Guru pendidikan khas | 2,450 |
| Guru pendidikan menengah | 3,855 |
| Guru pendidikan vokasional | 3,755 |
| Guru sekolah rendah | 3,630 |
| Guru seni | 2,520 |
| Guru seni persembahan | 2,520 |
| Juruanalisis kewangan | 3,260 |
| Juruanalisis pengurusan dan organisasi | 2,860 |
| Juruanalisis sistem komputer | 3,850 |
| Juruarkib dan kurator | 3,225 |
| Juruelektrik bangunan dan yang berkaitan | 2,025 |
| Jurugambar | 2,715 |
| Juruhebah radio, televisyen, dan media lain | 2,215 |
| Jurujual di gerai dan pasar | 1,980 |
| Jurujual makanan di tepi jalan | 2,045 |
| Jurujual pintu-ke-pintu | 2,120 |
| Jurujual pusat perhubungan | 2,105 |
| Jurukemas domestik | 2,065 |
| Jurulatih teknologi maklumat | 2,960 |
| Jurulatih, pengajar, dan pegawai sukan | 2,475 |
| Jurumasak | 2,500 |
| Juruoptik pendispensan | 2,750 |
| Jurupulih anggota | 3,490 |
| Jurusolek dan pekerja yang berkaitan | 2,070 |

INFOGRAFIK Metro